

SHAH ALAM, 5 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata berita palsu kononnya Malaysia membekalkan senjata kepada puak Islam Bosnia berkemungkinan bertujuan untuk mengasingkan tentera Malaysia daripada terus berkhidmat di Bosnia-Herzegovina.

Perdana Menteri berkata ini kerana mengikut kelazimannya, mana-mana negara yang didapati menveludup senjata akan diasingkan dan tidak boleh menghantar tenteranya untuk berkhidmat (di bawah panji Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) di tempat-tempat tertentu.

"Jadi nampaknya mungkin (ia percubaan) nak mengasingkan kita," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas sama ada kemungkinan laporan itu sengaja diputar belitkan oleh negara Barat atau media Barat.

Beliau berkata demikian selepas melawat Pertunjukan Bot Antarabangsa Malaysia 1994 di Taman Tasik Shah Alam di sini.

"Saya tak tahu sama ada media Barat ke atau apa ke...tetapi biasanya kalau mana-mana negara didapati menveludup senjata, maka negara itu akan diasingkan dan tidak boleh menghantar pasukan tenteranya ke tempat tertentu," katanya. -- Lagi

▼05/06/20-40MST

CNS2694

U GB 05-06 00152 BC535

AAB

Mahathir - Asing 2 Shah Alam

Dr Mahathir berkata Malaysia tidak akan berbuat sedemikian kerana khuatir tentera Malaysia akan disingkirkan dan tidak lagi boleh berkhidmat di Bosnia sedangkan kehadiran tentera Malaysia di sana sangat diperlukan.

Katanya rakyat Bosnia kini diuqut bahawa jika tidak mahu menerima rancangan damai yang dibuat oleh Barat, maka Barat akan menarik balik tentera mereka dari bumi Bosnia.

Beliau berkata jika itu berlaku dan tentera Malaysia pula tidak boleh berkhidmat di sana, maka orang Islam di Bosnia akan disembelih tanpa ada sesiapa lagi yang hendak menolong mereka.

Perdana Menteri juga menqulangi pendirian Malaysia supaya sekatan senjata ke atas puak Islam Bosnia ditarik balik kerana mereka kini tidak mempunyai senjata sama sekali.

"Maksud kita dengan penarikan balik sekatan (lifting of sanction) ialah untuk Bosnia sahaja kerana orang Bosnia tidak mempunyai senjata sama sekali," katanya. -- Lagi

▼05/06/20-57MST

CNS2695

U GB 05-06 00165 BC536

AAB

Mahathir - Asing 3 (Akhir) Shah Alam

Dr Mahathir berkata lawatan sekumpulan Anggota Parlimen Malaysia ke Britain dan Perancis baru-baru ini, mendapati Anggota-anggota Parlimen kedua-dua negara itu tidak mahu sekatan itu ditarik balik dengan alasan jika ia ditarik balik, puak Serb akan mendapat lebih banyak senjata.

Beliau berkata Malaysia hanya mahu sekatan senjata ke atas Bosnia sahaja yang ditarik balik dan bukan sekatan ke atas penqaras Serb atau Yugoslavia.

"Sekatan terhadap Serb dan Yugoslavia mesti diteruskan," katanya, sambil menambah bahawa hakikatnya sekarang ialah puak Serb mungkin mendapat senjata dari Belgrade dan mungkin juga dari pihak-pihak lain.

Katanya apabila puak Serb mendapat senjata, pihak Barat tidak mampu menghalangnya sedangkan puak Islam Bosnia tidak langsung mendapat senjata.

Ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat hari ini bahawa Cable News Network (CNN) yang menyiarkan laporan palsu itu sedia menyiarkan berita penafian Malaysia, Perdana Menteri berkata, "Baquslah dan terima kasih." --Bernama